

# Sifat negarawan sejahterakan negara

**Prof Datuk  
Dr Harlina  
Halizah Siraj**



*Pengarah Pusat Citra Universiti,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(UKM)*

Setiap kali perkataan negarawan disebut, akan muncul di benak fikiran kita nama dan wajah beberapa sosok individu dalam lipatan sejarah tempatan serta dunia yang dinobatkan gelaran itu.

Sejarah hidup mereka diabadikan dalam memorial khusus. Begitu sekali sanjungan dan penghormatan masyarakat kepada jasa dan sumbangan negarawan.

Sementara gelaran negarawan itu mungkin hanya wajar diberikan kepada seseorang yang terbukti berjasa secara luar biasa kepada negaranya, bolehkah rakyat biasa dan marhain menghayati dan membangunkan sifat kenegarawanan atau *statesmanship* dalam jiwa raga mereka?

Aspek kenegarawanan perlu diperhalusi, khususnya untuk memastikan kecintaan terhadap tanah air terus subur, mendalam dan sehati dalam diri setiap warganegara.

Tidak dinafikan, usaha negarawan membangun dan memaju-

kan negara tidak mungkin berhasil tanpa sokongan pengikut terdiri daripada rakyat biasa. Manakan ada pemimpin jika tiada pengikutnya.

Kelompok rakyat jelata sanggup mempertaruhkan nyawa dan harta, menjulang ideologi perjuangan mempertahankan negara bersama pemimpin mereka.

Wira tidak dinobatkan ini sebenarnya berjaya membangunkan sifat kenegarawanan sejati dalam diri mereka. Jelas perlu sifat negarawan dibangunkan dalam diri setiap warga sejak kecil hingga dewasa.

Terdapat dua alasan utama membangunkan sifat negarawan dalam diri. Pertama, ia perlu digarap untuk memperkukuhkan semangat patriotisme atau cinta tanah air yang menjadi fitrah insaniah.

Syed Muhammad al-Ghazali pernah menukilkan, "Manusia mencintai tanah kelahirannya dan semua yang hidup di atasnya, walaupun tanah kelahirannya itu menjadi tanah tandus menakutkan. Cintakan tanah air itu naluri yang memiliki ikatan erat dengan jiwa. Cinta ini membuat manusia ingin menetap di tanah airnya, rindu kepadanya jika berjauhan, membelanya jika diserang, marah jika tanah airnya dihancurkan."

Kedua, sifat negarawan perlu disuburkan untuk mempertahankan

tanah air daripada dirosakkan dan dihancurkan anasir pe-tualang – sama ada luar atau musuh dalam selimut.

Bagaimanakah sifat negarawan boleh disemai dan disuburkan dalam diri setiap warganegara? Empat langkah strategik diperlukan.

Pertama, seseorang perlu mempelajari sejarah dan kisah silam negara dengan teliti serta kritis.

Pengetahuan sejarah menyeluruh akan membimbing seseorang lebih menghayati dan menghargai

**Sementara gelaran negarawan itu mungkin hanya wajar diberi kepada seseorang yang terbukti berjasa secara luar biasa kepada negaranya, bolehkah rakyat biasa dan marhain menghayati dan membangunkan sifat kenegarawanan atau *statesmanship* dalam jiwa raga mereka?**

kemajuan serta pembangunan, di samping memperkukuhkan patriotisme serta semangat cintakan tanah air.

Kedua, seseorang perlu peka dan arif mengenai aspirasi serta isi kandungan Perlembagaan yang menjadi asas penubuhan negara. Kesedaran terhadap tanggungjawab dan hak setiap warganegara yang dilindungi Perlembagaan akan membantu memudahkan proses pembangunan sifat negarawan dalam diri.

Ketiga, seseorang perlu membuat pilihan untuk membabitkan diri secara aktif dengan kegiatan pembangunan negara. Usaha murni itu mesti dilakukan secara kolektif, bukannya sendirian.

Terdapat tiga ruangan luas untuk menyumbang bakti membangun negara – sama ada melalui pembabitkan dalam perkhidmatan awam sebagai jentera kerajaan, penggabungan diri dengan organisasi bukan kerajaan dan persatuan sivil ataupun terus terjun ke arena politik kepartian.

Langkah keempat banyak bergantung kesediaan individu sentiasa bermuhasabah diri dan merefleksi – menimbang tara sejauh manakah sumbangan peribadinya kepada pembangunan negara tercinta.

Presiden Amerika Syarikat (AS) ke-35, John F Kennedy pernah berkata: "Jangan tanyakan apa yang

negara boleh lakukan untuk anda. Tanyalah apa yang boleh anda lakukan untuk negara."

Akhir sekali, sifat negarawan akan menjelma dalam diri seseorang melalui enam ciri. Pertama, individu itu sentiasa cuba menjadi penyelesaian masalah, bukannya seorang yang menambahkan huru-hara dan kerosakan.

Kedua, individu itu mampu berfikir kritis dan kreatif, bukannya hanya menurut sahaja apa diperkatakan orang lain. Ketiga, individu negarawan sentiasa bersikap adil dan saksama, tidak berat sebelah dalam perkataan dan tindakan.

Keempat, seseorang itu berusaha membina jambatan dan kolaborasi setiap masa, bukannya menambahkan jurang dan dinding pemisah dengan orang lain.

Kelima, dia sanggup mendahulukan kepentingan orang lain berbanding keperluan dirinya, tidak tamak haloba dan mementingkan diri sendiri semata-mata.

Keenam, berjiwa besar, mudah memaafkan kesalahan orang lain terhadap dirinya, tidak menyimpan dendam kesumat atau busuk hati.

Bayangkan kemakmuran dan kesejahteraan yang bakal terhasil apabila negara sentiasa dipelihara rakyat yang mampu membangunkan sifat negarawan dalam diri masing-masing.